



**KETUA PENGARAH KERJA RAYA
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS**
**Jabatan Kerja Raya Malaysia
Public Works Department Malaysia**
Tingkat 33, Menara Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur


Telefon : (03) 2618 8421
Faks : (03) 2618 8799
Laman Web : <https://www.jkr.gov.my/>

Rujukan Kami: JKR-KPKR:121.010/05 Jld. 5(4)

Tarikh : 16 Oktober 2016

Semua Pengarah kanan / Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR

Semua Pengarah Kerja Raya Negeri

Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan

Semua Pengarah / Pengurus Pembinaan

Pengarah JKR Unit Khas

Pengarah JKR KESEDAR

Semua Jurutera Daerah

SURAT PERINGATAN : PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI POLITIK DAN AKTIVITI YANG MENYALAHII UNDANG-UNDANG SERTA BERTENTANGAN DENGAN NILAI DAN ETIKA PERKHIDMATAN AWAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, baru-baru ini beberapa insiden perhimpunan, bantahan, demonstrasi bermotifkan politik berlaku di beberapa kawasan di dalam negara. Terbaharu, terdapat insiden pergaduhan melibatkan beberapa kumpulan sebagaimana laporan media cetak, media sosial dan media arus perdana. Juga dilaporkan terdapat penjawat awam yang terlibat di dalam insiden tersebut.

1/4



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001



CERTIFIED TO ISO 14001:2004
CERT. NO.: ER 0281



CERTIFIED TO OHSAS 18001:2007
CERT. NO.: SR 0802



CERTIFIED TO ISO 50001:2011
CERT. NO.: EnR 0013

Tarikh : 14 Oktober 2016

3. Adalah diingatkan bahawa semua penjawat awam adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A)395/1993] berhubung dengan penglibatan dalam aktiviti politik seperti berikut :

i. **Peraturan 21. (1)**

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subperaturan (3), seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik

ii. **Peraturan 21. (2)**

Seseorang pegawai dalam Kumpulan Sokongan yang bukan seseorang pegawai dalam perkhidmatan perlu boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik setelah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

3. Selain daripada peraturan yang telah disebutkan pada perenggan 2, semua penjawat awam khususnya warga Jabatan Kerja Raya juga diingatkan agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan berikut dalam setiap gerak geri diri masing-masing.

iii. **Peraturan 4.(1)**

Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa dan pada setiap ketika memberikan taat setia yang tak berbelah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan;

Tarikh : 14 Oktober 2016

iv. Peraturan 4.(2)(d)

Seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara hingga memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam; dan

v. Peraturan 4.(2)(i)

Seseorang pegawai tidak boleh ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah.

4. Peraturan-peraturan di atas adalah bertujuan untuk mempertahankan prinsip – ‘*neutrality*’ dan ‘*impartiality*’ dalam perkhidmatan awam agar tanggungjawab yang diamanahkan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat bebas daripada sebarang ‘*bias*’ pada mana-mana pihak, kumpulan dan parti politik. Justeru, adalah menjadi kewajipan kepada semua penjawat awam Jabatan Kerja Raya untuk menghayati dan sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

5. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Dato’/ Tuan/ Puan adalah diminta untuk memberi perhatian serius terhadap perkara ini dengan sentiasa mengingatkan pegawai dan kakitangan masing-masing agar sentiasa mematuhi peraturan dan melaksanakan pemantauan serta mengambil tindakan yang tegas sekiranya berlaku pelanggaran terhadap perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAHA)

Rujukan Kami: JKR-KPKR:121.010/05 Jld. 5(4)

Tarikh : 14 Oktober 2016

- s.k. - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat